

10/01/2002

Koizumi temui Mahathir hari ini

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Rabu - Isu keganasan adalah antara agenda perbincangan dalam pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi, esok.

Perdana Menteri berkata, turut dibincangkan ialah beberapa perkara kepentingan bersama khususnya berkaitan kerjasama ekonomi dua hala.

Ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis sambutan hari raya Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini, beliau berkata tidak ada isu khusus dijadual untuk dibincangkan kerana kesuntukan masa.

"Tak ada (isu tertentu), kita cakap pasal hubungan dua hala, isu ekonomi dan keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata, perbincangan beliau dan Koizumi akan juga menyentuh isu pendidikan dan pembangunan sumber manusia seperti disarankan dalam mesyuarat Asean + 3 (Jepun, Korea Selatan dan China) di Brunei, November lalu.

"Ya kita akan berbincang perkara itu, tapi tak banyaklah, masa tak banyak," katanya.

Koizumi dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Manila esok untuk lawatan sehari dalam rangka kunjungannya ke beberapa negara Asean. Ia adalah lawatannya yang pertama ke rantau ini selepas menjadi perdana menteri tahun lalu.

Sementara itu, jurucakap Wisma Putra ketika dihubungi berkata, Koizumi akan diberi sambutan di Dataran Perdana di sini sebaik tiba sebelum mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir.

Katanya, ini kemudian diikuti mesyuarat delegasi dua hala sebelum Perdana Menteri Jepun itu menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana pada lewat petang.

Koizumi juga akan menemui bekas pelajar yang pernah menuntut di Jepun sebelum menghadiri jamuan malam yang dihoskan Dr Mahathir di Seri Perdana. Beliau dijangka berlepas ke Bangkok pada pagi Jumaat, sebelum meneruskan lawatan ke Indonesia dan Singapura.

Di Tokyo semalam, Koizumi dipetik sebagai berkata beliau berminat menemui Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang pemimpin yang mempunyai daya kepemimpinan mantap serta berpengalaman.

"Saya menjadi Perdana Menteri kurang setahun dan beliau (Dr Mahathir) sudah berada di puncak lebih 20 tahun. Beliau mempunyai pengetahuan luas mengenai kepemimpinan dan masa depan Asia. Saya perlu banyak belajar daripadanya bukan saja mengenai hubungan Jepun-Malaysia, malah keseluruhan situasai politik di Asia," kata Koizumi.

Hubungan dua hala yang terjalin antara Malaysia dan Jepun setakat ini menyaksikan wujudnya pertukaran dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara yang membabitkan rakyat dari pelbagai lapisan, termasuk dari segi budaya.

(END)